

07 JUN 2001

Mahathir-Cukai

DR MAHATHIR CADANG PENUBUHAN AGENSI MENGUTIP CUKAI

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan penubuhan agensi antarabangsa untuk mengutip cadangan cukai daripada pedagang kaya dalam usaha membantu negara miskin.

Katanya agensi-agensi berkenaan hendaklah diamanahkan mengutip cukai dan mengagihkannya kepada negara-negara miskin yang memerlukannya bagi pembinaan infrastruktur.

"Para pedagang yang memperoleh keuntungan daripada dunia ini patut membayarnya semula kepada dunia," katanya ada satu sesi dialog selepas menyampaikan ucapan perdana mengenai "Globalisasi, Masyarakat Global dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu" pada Siri Syarahan Tokoh U Thant di Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di sini.

Semasa menjawab satu soalan daripada hadirin, beliau berkata orang yang mempunyai keupayaan untuk berdagang di seluruh dunia dan meraih keuntungan, hendaklah membayar semula sesuatu kepada dunia.

Wang itu, katanya, boleh digunakan untuk membantu negara-negara miskin.

Dr Mahathir berkata walaupun semua negara dikehendaki menyumbang 0.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) untuk membantu negara miskin, tidak banyak yang berbuat demikian.

"Marilah kita mempunyai satu undang-undang untuk semua dan yang kaya (pedagang) yang membuat banyak keuntungan dalam pasaran global hendaklah membayar cukai untuk digunakan bagi membela negara miskin di dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata buat masa ini beberapa negara miskin telahpun dipinggirkan dan tidak dimasukkan dalam mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Mereka mempunyai hak untuk mendapat faedah daripada dunia ini juga," katanya.

Mereka yang hadir pada syarahan dan dialog itu termasuk para diplomat, ahli politik, cendekiawan dan wartawan.

Semasa menjawab satu soalan mengenai sama ada negara-negara Asia Timur bersedia membentuk kerjasama tentera bagi melindungi kepentingan mereka, Dr Mahathir berkata beliau tidak percaya langsung dalam kerjasama ketenteraan dan tentera tidak patut dilengkapkan dengan senjata.

"Dunia terlalu banyak membelanjakan wang membeli senjata dan membazir banyak wang dalam perlumbaan senjata. Senjata tidak memberikan pulangan wang.

"Masalah tidak patut diselesaikan melalui cara ketenteraan. Ia masih primitif. Kita masih belum jauh meninggalkan zaman ketika orang gua pertama membelantan saingannya dan menyambar isterinya," katanya.

Dr Mahathir berkata penyelidikan mengenai senjata patut dikawal supaya tidak menggalakkan perlumbaan senjata.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan meneruskan Dasar Pandang Ke Timur kerana ia telah memberikan manfaat kepada negara dalam bidang pendidikan dan memupuk etika kerja yang baik.

"Kami akan terus memandang ke Timur bukan sahaja untuk mempelajari perkara yang betul tetapi juga perkara yang salah," katanya.

Mengenai amalan pentadbiran baik kerajaan Malaysia, Dr Mahathir menjawab prinsip utamanya ialah untuk melindungi kepentingan majoriti rakyat dalam masa yang sama mengiktiraf hak asasi manusia dan kebebasan minoriti.

"Pentadbiran yang baik bermakna melihat kepada hak setiap orang

termasuk kumpulan minoriti selagi ia tidak merampas hak majoriti," katanya.

-- BERNAMA

JM RON